

17 MAR 1998

Ling - selat

DR MAHATHIR LANCAR RADAR SELAT MELAKA 27 MAC

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan penggunaan radar untuk meningkatkan keselamatan laluan kapal di Selat Melaka pada 27 Mac ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata dengan beroperasinya sistem radar itu pihak berkuasa di Malaysia akan dapat mengawasi setiap kapal dengan baik bagi mengelak pelanggaran di laluan laut paling sibuk di dunia itu.

"Radar itu dapat menunjukkan perjalanan setiap kapal dan amaran awal dapat diberikan jika mereka berada di laluan yang sama dan mungkin melanggar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Persatuan Industri Marin Malaysia (AMIM) di sini, hari ini.

Sistem radar yang berharga RM100 juta itu dikendalikan di Jabatan Laut di Pelabuhan Klang dan Kukup di Johor manakala alatnya siap dipasang di perairan negara di luar pantai Pelabuhan Klang dan di Tanjung Piai dan Pengerang di Johor.

Beliau berkata, bagaimanapun, peraturan pelaporan wajib (mandatory reporting) ke atas kapal-kapal yang melalui Selat Melaka, yang telah diluluskan secara prinsip oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), belum dapat dikuatkuasakan lagi.

Beliau berkata peraturan itu yang mewajibkan setiap kapal yang memasuki perairan sesebuah negara melapor kepada pusat-pusat kawalan terdekat, hanya dapat dilaksanakan di Selat Melaka enam bulan selepas persidangan IMO Mei ini. Kebanyakan negara-negara maju menguatkuasa peraturan itu.

Katanya kelulusan IMO untuk menguatkuasakan pelaporan wajib itu diperlukan memandangkan Selat Melaka merupakan laluan bebas (innocent passage).

Kira-kira 30,000 kapal, kebanyakannya kapal kargo dan kontena menggunakan Selat Melaka yang sempit setiap tahun menyebabkannya menjadi sesak dan mudah terdedah kepada pelanggaran mengakibatkan kerugian berjuta ringgit dan pencemaran.

Pelanggaran besar terbaru membabitkan kapal kargo M.V ICL Vikraman dengan M.V Mount 1 Oktober lepas mengakibatkan 12 anak kapal dilaporkan mati dan 15 lagi masih hilang.

Mengenai sistem pendaftaran kapal-kapal rekreasi yang menjadi agenda utama forum dua hari itu, Ling berkata ia merupakan sebahagian daripada peruntukan Akta Perkapalan Malaysia (Malaysia Shipping Act) yang sedang digubal dengan menggabungkan tiga Ordinan Kapal Saudagar yang ada.

Selain mengemaskinikan perundangan maritim negara supaya sejajar dengan di peringkat antarabangsa, ia turut memperuntukkan pendaftaran terhadap kapal-kapal rekreasi dan santai (leisure) antaranya bagi memastikan tahap kemampuannya belayar (seaworthiness).

Katanya, dengan pendaftaran itu pemilik kapal akan mempunyai sijil yang menjadi bukti pemilikan dan dokumen yang memudahkan kemasukan kapal-kapal rekreasi Malaysia ke pelabuhan di negara asing.

"Draf peruntukan ini masih di peringkat perbincangan," katanya, yang percaya langkah itu dijangka membantu memajukan industri pelancongan marin yang berpotensi di perairan Malaysia khususnya dan seluruh Asean amnya.

Ketika berucap beliau memuji langkah Amim menganjurkan forum itu yang akan dapat memberikan maklum balas yang diperlukan dari pihak industri. -- Bernama

MNY WAT

